

[LOANWORD BENEFITS OF MALAY VOCABULARY FROM ARABIC LANGUAGE AMONG ARABIC STUDENTS]

MANFAAT PINJAMAN KOSA KATA BAHASA MELAYU DARI BAHASA ARAB TERHADAP PELAJAR BAHASA ARAB

Ahmad Zulfadhli Nokman

zulfadhli@uitm.edu.my (Corresponding Author)

Academy of Language Studies

MARA University of Technology Malaysia (UiTM) Campus of Dungun
23000 Dungun, Terengganu, Malaysia

Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar

ahmad1183@uitm.edu.my

Academy of Language Studies

MARA University of Technology Malaysia (UiTM) Campus of Kuala Terengganu
21080 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman, Malaysia

Azman Che Mat

azman531@uitm.edu.my

Academy of Language Studies

MARA University of Technology Malaysia (UiTM) Campus of Dungun
23000 Dungun, Terengganu, Malaysia

Nor Shaifura Musilehat

shaifura@uitm.edu.my

Academy of Language Studies

MARA University of Technology Malaysia (UiTM) Campus of Kuala Terengganu
21080 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman, Malaysia

Ahmad Arifin Sapar

arifin@um.edu.my

Department of Arabic Language & Middle Eastern Languages

Faculty of Languages & Linguistics, University of Malaya

50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia

Abstrak

Kosa kata bahasa Melayu banyak dipengaruhi oleh bahasa-bahasa lain terutamanya bahasa Arab. Hal ini dapat dipastikan dengan merujuk *Kamus Dewan* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang menyenaraikan perkataan-perkataan yang berasal daripada bahasa Arab. Namun begitu, belum dapat dipastikan bahawa pelajar-pelajar yang sedang mempelajari bahasa ini menyedari akan hal ini. Lantaran itu, satu kajian tentang manfaat bahasa pinjaman yang ada dalam bahasa Melayu telah dijalankan terhadap pelajar bahasa Arab bagi mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar terhadap kosa kata bahasa Melayu yang dipinjam daripada bahasa Arab. Kajian ini juga akan menganalisis makna dan fungsi kosa kata bahasa Melayu yang dipinjam daripada bahasa Arab. Dari segi metodologi, kajian ini menggunakan kajian kuantitatif. Satu set soal selidik yang mengandungi 10 soalan yang menggunakan bahasa pinjaman bahasa Arab telah diberikan kepada 167 orang responden yang merupakan pelajar yang sedang mengikuti kursus bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA Cawangan Dungun. Hasil dapatan mendapat pinjaman kosa kata bahasa Melayu memberi banyak manfaat kepada pelajar terutamanya dalam memahami kosa kata bahasa Arab. Sebanyak 85.03% responden daripada pelbagai latar belakang mendapat markah lebih daripada separuh dan 14.97% responden pula mendapat markah kurang daripada separuh. Keadaan ini juga menunjukkan bahawa pengetahuan sedia ada bagi pelajar-pelajar bahasa Arab telah membantu mereka untuk mempelajari bahasa Arab dengan lebih mudah.

Kata kunci: manfaat, pinjaman, kosa kata, bahasa Melayu, bahasa Arab

Abstract

The Malay vocabulary is greatly influenced by other languages, especially Arabic. This can be ascertained by referring to the Kamus Dewan published by Dewan Bahasa dan Pustaka which lists words derived from Arabic Language. However, it has not been confirmed that students who are learning this language are aware of this. Thus, a study on the benefits of Malay loanwords was carried out on Arabic students to identify the level of students' knowledge of the Malay loanwords that are derived ultimately from Arabic. The study analysed the meaning and function of Malay vocabulary borrowed from the Arabic language. In terms of methodology, this study used quantitative research. A set of questionnaires containing 10 questions using Arabic loanwords was given to 167 respondents who were students and they were taking Arabic language courses at Universiti Teknologi MARA at Dungun Campus. According to the findings, loanwords of Malay vocabulary are beneficial to students studying Arabic, especially in understanding Arabic vocabulary. A total of 85.03% of respondents from various backgrounds scored more than half and 14.97% of respondents scored less than half. This situation also shows that the existing knowledge in Arabic language learners has helped them to learn Arabic more easily.

Keyword: benefits, loanword, vocabulary, Malay, Arabic

Article Received:
11 November 2021

Article Reviewed:
24 November 2021

Article Published:
30 December 2021

PENGENALAN

Bahasa Arab telah tersebar luas ke serata dunia. Ia selari dengan tersebarnya agama Islam ke seluruh negara termasuklah ke Tanah Melayu kira-kira 500 tahun dahulu. Maka, berlakulah pertembungan antara tamadun Asia dengan tamadun Arab di seluruh Tanah Melayu termasuklah negara Malaysia. Pertembungan kedua-dua tamadun ini sudah pasti telah mempengaruhi banyak aspek dalam kehidupan penduduk Tanah Melayu. Ia termasuklah dari segi ekonomi, pentadbiran, agama, percakapan, penulisan dan sebagainya. Antara aspek yang paling terkesan dengan pengaruh tamadun Arab di Malaysia ialah sistem komunikasi yang sangat penting dalam aktiviti seharian penduduk setempat.

Salah satu alat untuk berkomunikasi ialah bahasa. Ramai pedagang Arab datang ke Tanah Melayu untuk berdagang di samping menyebarkan agama Islam di rantau ini. Malah, ada dalam kalangan mereka yang terus menetap dan berkahwin dengan orang tempatan. Situasi ini telah menjadikan bahasa Arab mempengaruhi bahasa asal penduduk di situ, iaitu bahasa Melayu dan diguna pakai dalam urusan harian mereka. Maka, bertambahlah kosa kata bahasa Melayu melalui proses peminjaman daripada bahasa Arab secara tidak sedar.

Peminjaman kosa kata bahasa asing ke dalam bahasa tempatan merupakan perkara lumrah dalam hubungan antara bahasa. Pengaruh bahasa Arab dalam bahasa dunia yang lain merupakan fakta yang tidak dapat disangkal lagi. Banyak istilah dalam bidang ilmu yang meminjam bahasa Arab seperti istilah rahmat berasal daripada رحمة, dan ikhlas berasal daripada إخلاص (Kamus Dewan, 2015). Peminjaman kata ini memperkaya bahasa setempat dan dalam masa yang sama memberi pendedahan awal asal-usul bahasa yang dipinjam. Dalam konteks ini, kosa kata pinjaman bahasa Arab mempunyai potensi untuk dimanfaatkan dalam pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan penutur bahasa Melayu.

SOROTAN LITERATUR

Kata Pinjaman

Kata pinjaman ialah perkataan yang diambil daripada sesuatu bahasa lain sama ada diterjemahkan atau ditiru gaya bahasanya dan dijadikan sebahagian daripada bahasa utama (*Kamus Linguistik*, 1997). Menurut *Kamus Dewan* (2015), "Kata pinjaman ialah kata yang telah digunakan (terserap) dalam sesuatu bahasa tetapi berasal daripada bahasa lain". Ia turut dikenali sebagai kata ambilan. Dalam konteks bahasa Melayu, sebahagian besar kosa katanya adalah diambil daripada kosa kata bahasa Arab (Zakaria et al. 2017). Ini jelas terbukti apabila kata serapan Arab telah dimuatkan ke dalam *Kamus Dewan* yang menambahkan lagi perbendaharaan kata bahasa Melayu.

Punca Berlakunya Peminjaman Bahasa

Peminjaman bahasa berlaku kepada hampir semua bahasa di dunia ini. Setiap bahasa sentiasa berhubung dengan bahasa yang lain (Eng, 1999). Begitu juga halnya yang terjadi kepada bahasa Melayu. Peminjaman bahasa Arab oleh bahasa Melayu terjadi apabila berlakunya pertembungan antarantamadun Arab dengan tamadun Asia semasa aktiviti perdagangan dan penyebaran agama Islam sedang rancak dijalankan di serata dunia termasuk di semenanjung Tanah Melayu satu ketika dahulu (Abdullah & Abdullah, 2018). Pertembungan tamadun itu bukan sahaja mencetuskan aktiviti peminjaman bahasamalah ia juga melibatkan percampuran cara hidup dan budaya antara kedua-dua tamadun tersebut.

Tahun demi tahun, perkataan-perkataan Arab telah mula diserap ke dalam bahasa Melayu sedikit demi sedikit sehingga terbentuknya kosa kata bahasa Melayu daripada perkataan-perkataan yang diserap itu. Walaupun pada awalnya perkataan-perkataan Arab tersebut hanya digunakan untuk penyebaran Islam dan kegunaan dalam aktiviti seharian sahaja, tetapi ia telah berkembang pesat dan merangkumi pelbagai bidang ilmu pengetahuan (Hajimaming & Mezah, 2011). Menurut kajian yang dilakukan oleh Zikrawahyuni Maiza (2017), interaksi antara penutur bahasa Arab dengan penutur bahasa ibunda di sesuatu tempat itu yang berlaku secara berterusan telah menyebabkan berlakunya keseragaman dalam bahasa asal. Kesannya ialah berlaku perubahan dan penyesuaian pada bahasa asal.

Sebenarnya, proses peminjaman perkataan daripada satu bahasa ke bahasa yang lain ialah satu proses yang penting untuk perkembangan dan kemajuan sesuatu bahasa itu. Menurut M. Rusydi Khalid (2018), proses ini merupakan satu keperluan dalam menyelesaikan isu-isu bahasa yang sedang berkembang pesat selari dengan berkembangnya ilmu pengetahuan, ketamadunan, sastera dan kehidupan seharian. Bahkan ia penting untuk mewujudkan istilah-istilah baru yang wujud pada zaman yang serba moden ini dalam pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi, pentadbiran, politik dan sebagainya.

Walaupun begitu, terdapat golongan yang tidak menerima proses ini berlaku kepada bahasa Arab. Menurut M. Rusydi Khalid lagi, ada tiga golongan yang berlainan pendapat tentang proses peminjaman bahasa antara bahasa ini, iaitu yang pertama ialah golongan yang menggalakkan sepenuhnya proses ini berlaku supaya bahasa itu dapat berkembang mengikut peredaran zaman. Golongan yang kedua pula ialah golongan yang menolak terus proses ini berlaku kepada bahasa mereka. Golongan ketiga pula ialah golongan yang berada di tengah-tengah iaitu golongan yang boleh menerima proses ini berlaku tetapi perlu diubah mengikut kesesuaian huruf dalam bahasa asal.

Contoh proses peminjaman bahasa yang telah disesuaikan mengikut bahasa asal ialah adaptasi semantik kata pinjaman Arab. Menurut Ali Ahmed Hizam Julul et al. (2019), sebahagian besar kata pinjaman Arab dalam bahasa Indonesia adalah memiliki makna yang sama dengan bahasa asalnya. Namun, menurut Ali Ahmed lagi, ada juga yang perlu melalui proses adaptasi semantik seperti makna disempitkan, makna diperluas dan makna diubah suai mengikut budaya masing-masing. Jelas di situ bahawa proses peminjaman bahasa tidak berlaku dalam tempoh yang singkat.

Tujuan Peminjaman Bahasa

Proses peminjaman bahasa berlaku atas tujuan dan matlamat tertentu. Antara tujuan dan matlamatnya ialah memperbanyak kosa kata bahasa Melayu pada ketika itu. Menurut Wan Mohd Saophy Amizul (2010), istilah-istilah bahasa Arab yang digunakan semasa penyebaran Islam di Tanah Melayu pada ketika dahulu telah digunakan sepenuhnya dalam bahasa Melayu memandangkan tiada perkataan yang tepat dalam bahasa Melayu untuk dipadankan dengan istilah-istilah bahasa Arab tersebut. Jadi, bagi mengelakkan berlakunya salah faham dalam memahami agama Islam, istilah-istilah Arab itu telah diguna pakai oleh orang Melayu mengikut bentuk asal pada ketika itu. Kesannya, bahasa Melayu menerima penambahan kosa kata baru yang banyak hasil daripada aktiviti penyebaran Islam dan juga aktiviti perdagangan.

Selain itu, tujuan peminjaman bahasa dilakukan adalah untuk memperkasa bahasa utama itu sendiri. Menurut Zaharani Ahmad et al. (2011), proses penyerapan bahasa asing ke dalam bahasa Melayu terutamanya bahasa Arab dan bahasa Inggeris adalah untuk memperkasakan lagi bahasa Melayu itu sendiri. Ia dilakukan melalui perancangan korpus bahasa. Perancangan itu telah dilihat memberi kesan kepada pemerkasaan dan jati diri bahasa Melayu.

PERMASALAHAN KAJIAN

Penguasaan kosa kata bagi pelajar bahasa merupakan suatu perkara yang amat penting. Pendedahan kosa kata yang mencukupi kepada pelajar bahasa dapat membantu mereka menguasai sesuatu bahasa dengan baik. Hal ini kerana untuk membina ayat dalam sesuatu bahasa, kosa kata amat diperlukan untuk membantu pelajar dalam membina ayat. Kajian-kajian terdahulu berkaitan penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar bahasa Arab menunjukkan bahawa masih banyak kekurangan berkenaan dengan penguasaan kosa kata.

Pertembungan dua tamadun akan menyebabkan berlakunya pertembungan bahasa dan pertembungan bahasa ini tidak dapat dielakkan malainkan akan berlaku satu proses peminjaman antara kedua-dua bahasa itu (Syahirah, 2012). Kosa kata bahasa Melayu banyak terpengaruh dengan kosa kata bahasa Arab. Ini bererti bahawa ada peminjaman kosa kata berlaku terhadap bahasa Melayu daripada bahasa Arab. Situasi ini menimbulkan kekeliruan kepada pelajar yang sedang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa ketiga. Iaitu selepas bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Tambahan pula, menurut Che Radiah Mezah (2010), perkataan-perkataan yang diambil daripada bahasa Arab itu masih kurang diketahui oleh sebahagian besar pelajar yang mempelajari bahasa Arab. Hal ini mungkin berlaku kerana perkataan-perkataan pinjaman tersebut tidak diguna pakai dalam kehidupan seharian. Bahkan penggunaannya mungkin hanya berlaku dalam kalangan ulama dan mereka yang tahu berbahasa Arab. Jadi kajian ini akan meneliti dan membincangkan faedah atau manfaat peminjaman kosa kata bahasa Melayu daripada bahasa Arab dalam pembelajaran bahasa Arab.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini berhasrat untuk memenuhi dua objektif utama iaitu,

- a. Mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar terhadap kosa kata bahasa Melayu yang dipinjam daripada bahasa Arab.
- b. Menganalisis makna dan fungsi kosa kata bahasa Melayu yang dipinjam daripada bahasa Arab.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Soal selidik itu dibina berdasarkan beberapa kaedah berikut,

- a. Kosa kata bahasa Melayu yang dipinjam daripada Arab ditentukan dengan merujuk *Kamus Dewan Edisi Keempat*.
- b. Daripada kosa kata yang dipilih, 10 soalan berbentuk aneka pilihan jawapan telah dibentuk dan diletakkan dalam soal selidik untuk diagihkan kepada pelajar yang sedang mengikuti kursus bahasa Arab di UiTM. 10 soalan itu adalah dalam bahasa Arab sepenuhnya.
- c. Pelajar-pelajar akan menjawab soalan-soalan tersebut tanpa ada terjemahan.

Jumlah responden ialah seramai 167 orang dan kesemuanya adalah pelajar sarjana muda yang sedang mengikuti kursus bahasa Arab di UiTM Cawangan Terengganu. Perkataan-perkataan pinjaman Arab yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti dalam Rajah 1 di bawah:



ILUSTRASI 1. Kosa Kata Bahasa Melayu yang Dipinjam daripada Bahasa Arab

Sumber: *Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2015

Perkataan-perkataan ini telah disahkan kebenarannya melalui rujukan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015). Kemudian, perkataan-perkataan ini diterangkan secara lebih terperinci tentang makna dan bentuk peminjaman yang berlaku kepada bahasa Melayu satu per satu. Semua analisis ini dibincangkan di ruangan dapatan dan analisis.

DAPATAN DAN ANALISIS

Hasil dapatan daripada penyelidikan Ahmad et al. (2021) menunjukkan markah tertinggi yang diperoleh oleh pelajar yang menjawab soal selidik ini ialah 10 daripada 10, dan

markah terendah yang diperoleh oleh pelajar pula ialah 0 daripada 10. Hasil keseluruhan soal selidik adalah seperti di dalam Jadual 1 di bawah,

JADUAL 1. Skor Keseluruhan Jawapan Soal Selidik Responden

N	Skor		Min	Sisihan Piawai
	Terendah (0/10)	Tertinggi (10/10)		
167	2.99%	43.71%	7.87	2.62

Sumber: Hasil Penyelidikan Ahmad et al., 2021

Berdasarkan jadual di atas, jumlah responden yang menjawab soal selidik ini ialah seramai 167 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar yang beragama Islam dan pelajar yang bukan beragama Islam. Walaupun begitu, pelajar yang bukan beragama Islam hanyalah sebilangan kecil sahaja daripada jumlah keseluruhan. Markah tertinggi yang diperoleh oleh pelajar ialah 10 daripada 10 iaitu seramai 73 orang. Manakala markah terendah yang diperoleh oleh pelajar ialah 0 markah iaitu seramai 5 orang. Purata markah bagi keseluruhan markah yang diperoleh oleh pelajar pula ialah sebanyak 7.87 markah yang membawa nilai sisihan piawai sebanyak 2.62. Ini menunjukkan pengetahuan pelajar tentang perkataan pinjaman Arab tersebut yang membantu mereka menjawab soal selidik ini dengan baik adalah berada pada tahap yang tinggi. Walaupun ada pelajar yang mendapat 0 markah, perkara ini tidak menimbulkan kekeliruan pada data memandangkan pelajar-pelajar tersebut terdiri daripada pelajar bukan Islam yang sedang mengikuti kursus bahasa Arab asas di UiTM Cawangan Terengganu.

Secara keseluruhan, taburan markah mengikut selang kelas iaitu 0-5 markah dan 6-10 markah adalah seperti berikut,

JADUAL 2. Taburan Markah

N	Skor	
	0-5	6-10
167	14.97%	85.03%

Sumber: Hasil Penyelidikan Ahmad et al., 2021

Berdasarkan jadual di atas, bilangan pelajar yang mendapat markah lebih daripada separuh, iaitu 6 markah ke atas adalah seramai 142 orang iaitu 85.03%. Manakala bilangan pelajar yang mendapat markah di antara 0 hingga 5 pula ialah seramai 25 orang iaitu 14.97%. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar yang menjawab soal selidik ini adalah berpengetahuan tentang kata pinjaman Arab yang membantu mereka menjawab soal selidik ini. Namun begitu, ada beberapa faktor lain juga yang menyumbang kepada kemampuan pelajar untuk menjawab soalan-soalan ini, terutamanya dari segi latar belakang pelajar yang pelbagai.

Berikut pula adalah peratus kekerapan kata pinjaman Arab yang dijawab dengan betul mengikut perkataan demi perkataan.

JADUAL 3. Peratus Kekerapan Pencapaian Responden

Nombor Soalan	Jawapan	Peratus Responden yang menjawab dengan betul
1	واجبة <u>wājibatt</u>	79.04%
2	ال المسلمين <u>al-muslimun</u>	64.67%
3	المسجد <u>al-masjid</u>	85.03%
4	الصلوة <u>al-salatt</u>	71.86%
5	الذكرة <u>al-tadhkiratt</u>	76.65%
6	القرية <u>al-qaryah</u>	65.87%
7	المصلى <u>al-musalla</u>	80.84%
8	رمضان <u>ramadān</u>	88.62%
9	إفطار <u>al-iftar</u>	85.03%
10	التراويح <u>al-tarawih</u>	89.22%

Sumber: Hasil Penyelidikan Ahmad et al., 2021

Jadual di atas menunjukkan kesemua kata pinjaman Arab dalam soal selidik yang dijalankan ini mendapat peratus yang melebihi daripada 64%. Hal ini jelas menunjukkan bahawa tahap kekerapan kata pinjaman Arab yang dijawab dengan betul adalah berada sekurang-kurangnya pada tahap sederhana tinggi. Perkataan yang berada pada tahap yang paling tinggi peratus kekerapannya ialah perkataan *al-tarawih* iaitu solat terawih yang didirikan pada bulan Ramadhan. Manakala perkataan yang mendapat peratus yang terendah pula ialah perkataan *al-muslimun* yang bermaksud orang-orang Islam. Hal ini mungkin disebabkan oleh kebiasaan perkataan *muslimun* lebih kerap digunakan sebagai muslimin dalam kalangan orang Melayu di Malaysia. Perkataan yang mencapai kekerapan melebihi 80% ada lima patah perkataan iaitu *al-masjid*, *al-musalla*, *Ramadan*, *al-iftar* dan *al-tarawih*.

Hasil perbincangan di atas telah menjawab objektif pertama kajian ini, iaitu “Mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar terhadap kosa kata bahasa Melayu yang dipinjam daripada bahasa Arab.” Dapatkan ini memberi maklumat bahawa pengetahuan responden terhadap kosa kata yang dipinjam daripada bahasa Arab difahami dengan tahap yang sederhana tinggi. Justeru, kajian ini berhipotesis bahawa kosa kata pinjaman ini telah mengalami perubahan makna yang sedikit sebanyak mengubah konsepsi pelajar bahasa Arab apabila berhadapan dengan kosa kata yang sama dalam bahasa Arab.

Berdasarkan perbincangan bahagian seterusnya akan menganalisis secara mendalam setiap item leksikal yang digunakan dalam soalan ujian. Hal ini bertujuan mencapai objektif kedua kajian ini, iaitu “Menganalisis makna dan fungsi kosa kata bahasa Melayu yang dipinjam daripada bahasa Arab.”

- a. *Wājibatt* (واجبة) merupakan perkataan Arab yang telah dipinjam oleh bahasa Melayu dengan menggunakan perkataan ‘wajib’. Kata asal ini dalam bahasa Arab diderivasi daripada kata akar *wa-ja-ba*. Pola kata ini juga dibina daripada *wazn faa-‘i-lah* yang menjadi kata nama feminin. Kata ini juga digunakan dalam gender maskulin dengan *wazn* yang sama, iaitu *waa-jib*. Dalam istilah *fiqh*, *waa-jib* “sesuatu yang sabit kewajipannya berpandukan dalil” serta “diberi balasan pahala jika dilakukan, dan berdosa apabila ditinggalkan” (Mustafa et al., 1989). Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015) pula, ‘wajib’ bermaksud hukum suruhan

- (dalam Islam) yang apabila dilaksanakan akan mendapat pahala dan apabila ditinggalkan akan mendapat dosa seperti sembahyang lima waktu, berpuasa di bulan Ramadan dan menunaikan zakat. Selain itu, perkataan ini juga membawa makna ‘mesti’, atau ‘perlu’. Jika dilihat dari segi sebutan huruf antara perkataan asal dan perkataan pinjaman ini, ada berlaku pengurangan huruf. Ini berlaku disebabkan oleh keperluan menambah huruf tambahan dalam membina ayat bahasa Arab supaya ayat itu tidak menyalahi struktur tatabahasanya. Dari aspek bahasa Melayu pula, perkataan ‘wajib’ merupakan kata adjektif dan boleh ditambahkan dengan imbuhan tertentu seperti ‘mewajibkan’, ‘berwajib’ dan ‘kewajipan’.
- b. *al-Muslimun* (المسلمون) ialah perkataan Arab yang membawa maksud orang-orang Islam. Kata asal ini dalam bahasa Arab diderivasi daripada kata akar *sa-li-ma*. Pola kata ini juga dibina daripada *wazn muf-‘iluun* yang menjadi kata nama jamak. Kata ini digunakan dalam gender maskulin. Dalam bahasa Melayu, penggunaan perkataan ‘*al-muslimun*’ telah diubah kepada ‘muslimin’. Namun, kata dasar bagi perkataan ini adalah daripada perkataan yang sama iaitu ‘muslim’. Menurut *Kamus Dewan*, ‘muslim’ membawa maksud orang (lelaki) yang beragama Islam. Manakala perkataan ‘muslimin’ pula bermaksud kata ganda bagi ‘muslim’ iaitu orang-orang yang beragama Islam. Perkataan ‘muslimin’ juga diguna pakai di dalam bahasa Arab. Contoh ayat yang menggunakan perkataan tersebut ialah, *Sollait al-‘Asr ma‘a al-muslimin* (صَلَيْتُ الْعَصْرَ مَعَ الْمُسْلِمِينَ). Orang Arab menggunakan perkataan ‘muslimin’ ini ketika perkataan tersebut berada dalam keadaan ‘mansub’ atau ‘majrur’. Oleh sebab itu, perkataan ‘*al-muslimun*’ ini masih boleh dikategorikan sebagai kata pinjaman oleh bahasa Melayu.
- c. *al-Masjid* (المسجد) pula merupakan perkataan bahasa Arab yang juga kata pinjaman kepada bahasa Melayu. Kata asal ini dalam bahasa Arab diderivasi daripada kata akar *sa-ja-da*. Pola kata ini juga dibina daripada *wazn maf-‘il* yang menjadi kata nama tempat. *Sa-ja-da* bermaksud sujud. Apabila dibentuk menjadi *mas-jid*, ia membawa maksud tempat sujud. Dalam bahasa Melayu, masjid ialah tempat umat Islam menunaikan solat. Menurut *Kamus Dewan*, masjid ialah bangunan khas tempat umat Islam melakukan solat Jumaat dan ibadah-ibadah lain. Perkataan ‘masjid’ ini dipinjam daripada bahasa Arab secara penuh tanpa ada penguguran atau penambahan huruf. Ini berlaku kerana masjid merupakan institusi Islam yang utama sejak zaman Rasullullah SAW hingga ke hari ini. Malah peranan institusi masjid telah diperluas ke semua aspek ekonomi, politik dan sosial. Perlu diberi perhatian juga bahawa syi‘ar Islam berdiri tegak adalah disebabkan oleh fungsi masjid (Hairunnizam et al., 2012).
- d. *as-Salatt* (الصلوة) ialah salah satu ibadah yang wajib didirikan oleh umat Islam. Kata asal ini dalam bahasa Arab diderivasi daripada kata akar *sa-la*. Pola kata ini juga dibina daripada *wazn fa‘alah* yang menjadi kata nama feminin. Dalam bahasa Melayu, perkataan ‘*as-salatt*’ ini dieja dengan ‘*salat*’ atau ‘solat’. Kedua-duanya memberi makna yang sama iaitu sembahyang (dalam agama Islam). Perkataan ‘solat’ ini juga merupakan kata pinjaman daripada bahasa Arab. Jika dibandingkan antara kedua-dua bahasa tersebut, ada aspek penguguran yang berlaku daripada bahasa asal ke bahasa kedua. Perkataan asal iaitu ‘*salat*’ mempunyai lebihan huruf yang menandakan ia perlu dibaca secara panjang sedikit. Manakala perkataan ‘solat’ pula digugurkan huruf tersebut dan sebutannya tidak dipanjangkan.
- e. *al-Tadhkiratt* (الذكرة) bermaksud peringatan. Kata asal ini dalam bahasa Arab diderivasi daripada kata akar *dha-ka-ra*. Pola kata ini juga dibina daripada wazan *taf-‘i-lah* yang menjadi kata nama feminin. Dalam bahasa Melayu, perkataan ini dieja dengan ‘tazkirah’ memandangkan tiada huruf ‘s’ yang mewakili huruf dalam

bahasa Melayu. Dari segi sebutannya memang berbeza kerana sebutan huruf-huruf bahasa Arab adalah lebih banyak berbanding bahasa Melayu. Begitu juga dengan bilangan huruf. Bilangan huruf bahasa Arab lebih banyak berbanding dengan huruf bahasa Melayu. Keadaan ini menyebabkan bahasa Arab yang dipinjam oleh bahasa Melayu perlu diubah suai supaya ia mudah disebut oleh orang Melayu. Maksud ‘tazkirah’ menurut *Kamus Dewan* ialah ceramah ringkas tentang agama Islam sebagai peringatan.

- f. *al-Qaryatt* (القرية) dalam bahasa Arab bermaksud kumpulan orang, desa, negeri dan bandar (*Kamus al-Khalil*, 2006). Kata asal ini dalam bahasa Arab diderivasi daripada kata akar *qa-ru-wa*. Pola kata ini juga dibina daripada wazan *fa'i-lah* yang menjadi kata nama feminine. Perkataan ini telah dipinjamkan kepada bahasa Melayu dengan menggunakan ejaan ‘kariah’. ‘Kariah’ membawa maksud kawasan yang didiami oleh penduduk yang berkongsi masjid atau surau. Jika dibandingkan di antara kedua-dua perkataan ini, ada berlaku pertukaran dari segi sebutan huruf. Bahasa asal menggunakan sebutan [qa] pada permulaan perkataan, manakala bahasa Melayu pula menggunakan sebutan [ka] pada permulaan perkataan tersebut yang mana ia lebih mudah disebut oleh orang tempatan.
- g. *al-Musalla* (المصلى) berasal daripada perkataan (صلوة) yang membawa maksud berdoa atau bersolat. Kata asal ini dalam bahasa Arab diderivasi daripada kata akar *sa-lu-wa*. Pola kata ini juga dibina daripada *wazn mufa'al* yang menjadi kata nama maskulin. Manakala *al-musalla* pula bermaksud tempat solat (*Kamus al-Khalil*, 2006). Bahasa Melayu telah mengambil perkataan ini menjadi sebahagian daripada bahasanya dengan menggunakan ejaan ‘musala’. ‘Musala’ menurut *Kamus Dewan* bermaksud tempat sembahyang. Perkataan ‘musala’ ini telah diguna pakai secara meluas di seluruh Malaysia sama ada di pusat membeli belah, hentian rehat, stesen bas atau di lapangan terbang.
- h. *Ramadān* (رمضان) berasal daripada perkataan (رمضن) yang membawa maksud panas terik. Kata asal ini dalam bahasa Arab diderivasi daripada kata akar *ra-mada*. Pola kata ini juga dibina daripada *wazn fa-'a-lan*. Ramadan yang dibincangkan ini adalah nama salah satu bulan dalam tahun Hijrah iaitu bulan Ramadan. Bahasa Melayu telah mengguna pakai perkataan yang sama untuk nama-nama bulan dalam tahun Hijrah. Walaupun begitu, ejaannya telah diselaraskan menjadi ‘Ramadan’. Menurut *Kamus Dewan*, ‘Ramadan’ ialah bulan kesembilan dalam tahun Hijrah, iaitu bulan puasa.
- i. *al-Iftār* (إفطار) berasal daripada perkataan (فطير) yang bermaksud mencipta, atau memulakan sesuatu. Kata asal ini dalam bahasa Arab diderivasi daripada kata akar *fa-ta-ra*. Pola kata ini juga dibina daripada *wazn if-'al* yang merupakan kata terbitan kepada kata kerja *af-ta-ra*. Manakala pula bermaksud berbuka puasa. *al-Iftār* ialah kata terbitan kepada (أفطر). Dalam bahasa Melayu, perkataan ‘al-iftar’ ini diambil seperti mana yang asal tanpa ada pengguguran atau penambahan huruf iaitu ‘iftar’. ‘Iftar’ dalam bahasa Melayu juga memberi maksud berbuka puasa.
- j. *al-Tarāwīh* (التراءيف) (رَوْح) yang membawa maksud luas atau lapang. Kata asal ini dalam bahasa Arab diderivasi daripada kata akar *ra-wi-ha*. Pola kata ini juga dibina daripada *wazn tafa-'iil*. Manakala *al-tarawih* di sini membawa maksud solat sunat tarawih yang dilakukan di dalam bulan Ramadan pada setiap tahun. Perkataan ‘tarawih’ atau ‘terawih’ telah diguna pakai dalam bahasa Melayu. Ada berlaku perubahan pada bunyi vokal pertama iaitu daripada [ta] kepada [te]. Maksud ‘tarawih’ menurut *Kamus Dewan* ialah sembahyang sunat yang dilakukan pada malam hari dalam bulan Ramadan (selepas sembahyang Isyak). Ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu mengekalkan maksud asalnya seperti yang ada pada bahasa Arab.

PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada dapatan dan analisis di atas didapati bahawa kata pinjaman Arab memainkan peranan dalam aktiviti pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang bukan penutur jati. Walaupun berlaku banyak perubahan dari segi bentuk kata (morfologi), perubahan bunyi (fonologi) dan bentuk ayat (sintaksis) (Abdullah, 2006), tetapi ia masih boleh difahami maksudnya berdasarkan pengetahuan mereka yang sedia ada dalam bahasa Melayu. Perkara ini disokong oleh Nazirah (2013) dalam kajiannya yang mengatakan bahawa sumbangan pengetahuan sedia ada sangat penting dalam proses pembelajaran bahasa kedua bagi seseorang pelajar.

Peranan kata pinjaman Arab ini juga melibatkan isu perkembangan bahasa asal itu sendiri. Jika dilihat pada data kajian di atas, kebanyakan perkataan yang dipinjam daripada bahasa Arab adalah berkaitan dengan agama Islam. Ini menunjukkan bahawa penyebaran agama Islam yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa perantaraan pada masa itu telah menyebabkan berlakunya proses peminjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu. Sehubungan itu, peminjaman perkataan Arab dalam bahasa Melayu telah menunjukkan peningkatan kepada kosa kata dan perluasan perbendaharaan bahasa Melayu (Hassan et al., 2011).

Daripada perincian fungsi dan makna kosa kata bahasa Melayu yang digunakan sebagai sampel kajian menunjukkan berlakunya perubahan dalam beberapa bentuk terhadap kosa kata bahasa Melayu. Antara bentuk perubahan yang kerap beraku kepada kosa kata bahasa Melayu tersebut ialah pengguguran huruf. Hal ini tidak dapat dielakkan lagi memandangkan bilangan huruf dalam bahasa Melayu adalah kurang berbanding bilangan huruf dalam bahasa Arab. Justeru itu, aspek ini sering berlaku kepada kebanyakan kosa kata pinjaman ini. Selain itu, bentuk perubahan lain yang berlaku kepada kosa kata pinjaman ini ialah penambahan huruf dan penyesuaian fonologi. Bentuk-bentuk perubahan ini bukan berlaku kepada kosa kata pinjaman daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu sahaja, bahkan ia juga berlaku kepada semua bahasa lain yang telah melalui proses peminjaman bahasa. Tambahan pula, aktiviti peminjaman bahasa ini adalah penting demi perkembangan sesuatu bahasa.

KESIMPULAN

Sesungguhnya kata pinjaman bahasa Arab telah memberi banyak manfaat kepada pelajar yang sedang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Pengetahuan yang sedia ada tentang perkataan-perkataan pinjaman itu telah membantu mereka untuk memahami maksud perkataan dalam bahasa Arab walaupun pada hakikatnya mereka tidak tahu bahawa perkataan itu adalah perkataan pinjaman. Keadaan ini akan disedari oleh pelajar apabila mereka mula mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua mereka. Kefahaman terhadap manfaat kata pinjaman Arab terhadap pelajar yang sedang mempelajari bahasa Arab juga dapat membantu para pengajar bahasa untuk menggunakan dalam pengajaran. Oleh itu, diharapkan agar kajian ini dapat membantu para pelajar dan pengajar bahasa dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada geran penyelidikan Ahmad et al. 2021 yang berdaftar di bawah geran dalaman UiTMCT (RCF) (600-TNCPI 5/3/DDN (11) (006/2020)).

RUJUKAN

- Abdullah, I. & Abdullah, I.H. (2018). Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu Analisis Kajian dari Sudut Perubahan Morfologi. *Journal of Social Science and Humanities*. 13(3), 43-50.
- Ahmad, Z., Jalaluddin, N.H., Sultan, F.M.M., Radzi, H. & Yusof, M.S. (2011). Pemerkaan Jati Diri Bahasa Melayu: Isu Penyerapan Kata Asing. *Jurnal Melayu*. 6, 13-27.
- Almuddin, S. (2012). Analisis Morfo-fonologi Perkataan Pinjaman Bahasa Inggeris dalam Bahasa Arab. Disertasi Sarjana tidak diterbitkan, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Eng, C.C. (1999). Kata Pinjaman Bahasa Melayu dalam bahasa Cina di Malaysia. Disertasi Sarjana tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hajimaming, P.T. & Mezah, C.R. (2011). Penggunaan Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu dan Implikasinya terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Linguistik*. 13, 1-16.
- Hassan, A. (2006). *Morfologi*. Kuala Lumpur: PTS Publishing Sdn.Bhd.
- Hassan, A.T., Ahmad, Z., Abdulah, I.H. & Ahmad, Z. (2011). Perantauan Bangsa Arab ke Alam Melayu: Kesannya terhadap Percambahan Kata Pinjaman Arab-Melayu. Prosiding Seminar Merantau: Imagining Migration in Malay World, March 2011, Goethe, University of Frankfurt, Germany.
- Ibrahim, M., Hamid, A.A., Hassan, A.A. & 'Ali, A.M. (1989). *al-Mu'jam al-Wasit (Kamus Lengkap)*. Bayrut: Dar 'Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Julul, A.A.H., Rahmawati, N.M., Sartini, N.W. & Kwary, D.A. (2019). Semantic Adaptations of the Arabic Loanwords in the Indonesian Language. *Jurnal Mozaik Humaniora*. 19(2), 135-147.
- Kamus Linguistik. (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalid, M.R. (2018). *al-Ta'rib fi al-Lughah al-'Arabiyyah bayn al-Mushajji'in wa al-Munkarin*. *Jurnal Diwan*. 4(2), 179-198.
- Maiza, Z. (2017). Kata Pinjaman Bahasa Arab dalam Bahasa Minangkabau. *Jurnal Fuaduna: Jurnal Kajian Keagamaan dan Kemasyarakatan*. 1(2), 208-236.
- Mansor, W.M.S.A.W. (2010). Entri Agama Berlabel "Ar" dalam Kamus Dewan: Satu Analisis Semantik. Tesis Sarjana tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mezah, C.R. (2010). *Penekanan Aspek Semantik Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Salim, N.R. (2013). Tahap Pengetahuan Sedia Ada Pelajar tentang Kata Pinjaman Arab dan Hubungannya dengan Pencapaian Bahasa Arab. Tesis sarjana tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Zakaria, M.H., Mezah, C.R. & Ismail, M.Z. (2017). Penggunaan Kata Pinjaman Arab dalam Puisi Melayu. *Jurnal Kemanusiaan*. 15(1-S), 69–74.